

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 1(5)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 05 TAHUN 2014**

---

**Tarikh : 25 Jun 2014 (Rabu)**  
**Masa : 10.00 pagi hingga 11.30 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**HADIR**

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi<br>Yang Dipertua MPSJ        | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid<br>Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Stephen Chin Sou Bong                               | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh                 | - | "                       |
| 5.  | Encik Tai Cheng Heng                                      | - | "                       |
| 6.  | Encik Michael Tamilarason a/l K. Nadaysen                 | - | "                       |
| 7.  | Encik Sufari bin Tinnin                                   | - | "                       |
| 8.  | Encik Chong Hoon Ming                                     | - | "                       |
| 9.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "                       |
| 10. | Puan Sazana binti Isa                                     | - | "                       |
| 11. | Encik Loka Ng Sai Kai                                     | - | "                       |

- |     |  |   |   |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Michael Noel Jalleh                | - | " |
| 13. | Encik Yap Kok Weng                       | - | " |
| 14. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh       | - | " |
| 15. | Ir. Izham bin Hashim                     | - | " |
| 16. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 17. | Puan Rozaina binti Hamzih                | - | " |
| 18. | Encik Wan Hock Leong                     | - | " |
| 19. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi           | - | " |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                             |   |             |
|----|-----------------------------|---|-------------|
| 1. | Puan Azizan binti Jamaludin | - | Ahli Majlis |
|----|-----------------------------|---|-------------|

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Encik Mohd Zulkurnain bin Che Ali  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar  
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
5. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
8. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman  
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Puan Anita binti Abd. Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
10. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Puan Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Encik Zahiruddin bin Hashim  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari  
Pengarah, Jabatan Bangunan

14. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
15. Puan Noraziah binti Ali  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
16. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
17. Puan Satinah binti Safirol  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
18. Puan Mimi Zareena binti Md Nor  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
19. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
20. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
21. Puan Aida binti Omar  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
22. Encik Ahmad bin Hasan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
23. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
24. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
25. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
26. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
27. Encik Samzol bin Saat  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat

28. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
29. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
30. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
31. Encik Rostam bin Salleh  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
32. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
33. Puan Nor Shahela binti Amzah  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
34. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
35. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
36. Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
37. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
38. Encik Alias bin Miskon  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
39. Cik Helda Syima binti Abu Talab  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancangan Korporat
40. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
41. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

42. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
43. Puan Asmidar binti Shaarin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
44. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
45. Cik Adibah binti Abdullah  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
46. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
47. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
48. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
49. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
50. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
51. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
52. Puan Mazlina binti Mustafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
53. Puan Diana binti Mohamad Daim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
54. Puan Dayana binti Omar  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
55. Puan Siti Nur Amira binti Shahadan  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

56. Encik Mohd Azizi bin Md Yusof  
Penolong Jurutera, Jabatan OSC
57. Encik Mat Nazari bin Masrom  
Penolong Pegawai Penilaian, Jabatan COB
58. Encik Ahmad Fairuz bin Fadzil  
Ahli Muzik Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat

### **URUSETIA**

1. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

## **1.0 DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

## **2.0 UCAPAN Pengerusi**

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 05/2014 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

### **2.1 MAJLIS DIALOG BELANJAWAN 2015**

Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengadakan Majlis Dialog Belanjawan 2015 pada 09 - 10 Jun 2014 (Isnin - Selasa), bertempat di Shah Alam Convention Centre, Shah Alam.

Program ini diadakan sebagai persediaan Kerajaan Negeri Selangor yang sedang dalam proses menyediakan Belanjawan Negeri Selangor Tahun 2015 yang akan dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada bulan November akan datang.

Program ini telah dirasmikan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, Menteri Besar Selangor.

### **2.2 KONVENSYEN ICC PERINGKAT WILAYAH PANTAI TIMUR**

MPSJ telah menghantar tiga (3) pasukan KIK dalam Konvensyen 'Team Excellence 2014' Peringkat Wilayah Pantai Timur anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), bertempat di The Zenith Hotel, Kuantan, Pahang pada 18 - 19 Jun 2014. Sebanyak 83 pasukan telah mengambil bahagian dalam konvensyen yang berlangsung selama dua hari ini.

MPSJ telah berjaya merangkul 2 Anugerah Emas dan 1 Anugerah Perak dalam pertandingan ini.

Anugerah Emas telah dimenangi oleh:

- i. Kumpulan EP dari Jabatan Khidmat Pengurusan dengan tajuk projek "*Pengurusan Permohonan Logistik Yang Kurang Efisien*".
- ii. Kumpulan Novi Touch dari Jabatan Bangunan dengan tajuk projek "*Tiada Sistem Pemantauan Yang Efektif Bagi Ubahsuai Rumah*".

Manakala Anugerah Perak pula telah dimenangi oleh Kumpulan SWAT dari Jabatan Pelesenan dengan tajuk projek "*Masalah Pengurusan Sampah Pasar Malam Bukit Kuchai Yang Tidak Sistematik*".

Dengan kejayaan ini, MPSJ akan terus mempertingkatkan komitmen dalam memperkasakan pembangunan inovasi dalam urus tadbir dan sistem pengurusan MPSJ selari dengan pengiktirafan MPSJ sebagai PBT bertaraf 5 Bintang melalui pembudayaan inovasi yang menjadi teras pemikiran utama dalam mencipta penyelesaian masalah yang kreatif dan inovatif di kalangan warga kerja MPSJ.

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah di atas pencapaian ini.

### **2.3 PROGRAM KAYUHAN HIDUP SIHAT MPSJ-UPM 2014**

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan Program Kayuhan Hidup Sihat MPSJ-UPM 2014 pada 21 Jun 2014 (Sabtu), bermula jam 7.30 pagi bertempat di Pusat Kebudayaan & Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Program ini telah dirasmikan oleh Profesor Dato' Dr. Mohd Fauzi bin Hj Ramlan, Presiden Canselor Universiti Putra Malaysia.

Program yang berbentuk santai ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu kategori keluarga dan kategori umum. Seramai 200 peserta telah menyertai program kayuhan pada kali ini yang bermula dan berakhir di Pusat Kebudayaan & Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM, Serdang.

Antara objektif penganjuran program ini ialah:

- i. Menerapkan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat melalui aktiviti sukan kayuhan basikal secara berkumpulan.
- ii. Mengeratkan hubungan di kalangan masyarakat dengan menyediakan platform kepada mereka untuk bertemu dan beramah mesra serta menjalani aktiviti sukan berbasikal secara bersama-sama.
- iii. Meningkatkan hubungan di antara pihak Majlis dengan masyarakat / orang awam.
- iv. Menjalin hubungan yang baik dengan Institusi Pendidikan di kawasan pentadbiran MPSJ.
- v. Meningkatkan imej MPSJ selaku pentadbir perbandaran yang mesra rakyat dan alam sekitar.

Program ini dilihat sebagai satu langkah yang tepat pada masanya kerana ia dapat menggalakkan lagi penggunaan basikal untuk tujuan riadah kepada masyarakat di samping mengaktifkan lagi hujung minggu mereka dengan aktiviti gaya hidup sihat.

MPSJ seterusnya akan melaksanakan 2 kali lagi aktiviti kayuhan basikal ini dan berharap mendapat sambutan dan penyertaan yang lebih ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat.

## **2.4 PROGRAM PEMANTAPAN INTEGRITI MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BERSAMA SPRM SELANGOR**

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menganjurkan Program Pemantapan Integriti Majlis Perbandaran Subang Jaya Bersama SPRM Selangor pada 21 Jun 2014 (Sabtu), jam 9.00 pagi – 1.00 petang bertempat di Hotel Holiday Inn Glenmarie, Shah Alam.

Program ini dihadiri oleh tetamu jemputan Tuan PPj Mohd Noor bin Abd Rahman, Ketua Cawangan Pendidikan Masyarakat, SPRM.

Antara pengisian program yang diadakan ialah;

- i. Taklimat 1 :  
SPRM Bebas, Telus Dan Profesional
- ii. Taklimat 2 :  
Pencegahan Rasuah Adalah Tanggungjawab Bersama
- iii. Taklimat 3 :  
Pelaksanaan Integriti Di Pihak Berkuasa Tempatan

## **2.5 MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP KERAJAAN TEMPATAN NEGERI SELANGOR BIL. 6/2014**

Sukacita dimaklumkan bahawa, Majlis Perbandaran Subang Jaya telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor (Stanco KT) Bil. 6/2014 yang akan diadakan pada 27 Jun 2014 (Jumaat), jam 9.30 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2, Bangunan MPSJ.

Mesyuarat ini akan dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Teng Chang Khim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian Dan Penyelidikan Negeri Selangor.

## **2.6 PROGRAM GOTONG-ROYONG MEMBANTERAS AEDES BERSAMA SELEBRITI BAGI KAWASAN HOTSPOT DENGGI SIRI 3**

Program ini diadakan sebagai salah satu usaha pihak Majlis dalam menangani kes denggi di kawasan pentadbiran MPSJ dan memberi kesedaran kepada penduduk akan bahaya nyamuk aedes dan denggi. Meningkatkan kesedaran masyarakat supaya menjaga kebersihan kawasan persekitaran. Selain itu menggalakkan masyarakat setempat untuk turut sama turun padang bagi menjalankan aktiviti gotong-royong.

Program ini akan diadakan pada 28 Jun 2014 (Sabtu), jam 8.00 – 11.30 pagi bertempat di Pangsapuri Angsana, Persiaran Subang Permai, USJ 1, Subang Jaya.

Pelaksanaan Program adalah seperti berikut;

- i. Melibatkan semua penduduk kawasan perumahan, kontraktor pembersihan, pemaju kawasan perumahan dan Jabatan/Agensi/NGO yang berkaitan.
- ii. Melibatkan selebriti seperti artis terkenal sebagai daya penarik bagi menarik masyarakat untuk turun bergotong-royong. Pada masa yang sama peranan selebriti ini adalah untuk menyampaikan mesej mengenai kepentingan penjagaan aspek kebersihan persekitaran dan kesihatan.

## **2.7 PROGRAM KACAU DODOL DAN MAJLIS BERBUKA PUASA SEMPENA BULAN RAMADHAN 1435H**

Objektif program ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada remaja mengenai program-program kemasyarakatan dan penghayatan Ramadhan. Menggalakkan penyertaan dari masyarakat setempat dengan Program Mesra Rakyat yang dianjurkan oleh MPSJ. Program ini akan diadakan pada Bulan Ramadhan 1435H di semua 24 Zon JKP MPSJ.

Sasaran peserta adalah terdiri daripada golongan remaja yang berumur 13 hingga 40 tahun di kawasan pentadbiran MPSJ, penduduk setempat, fakir miskin dan anak-anak yatim di kawasan yang berkenaan selain penglibatan daripada Ahli Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ.

## **2.8 PROGRAM RAKAN MASJID – IMARAH RAMADHAN SECARA “SMART PARTNERSHIP” ANTARA MPSJ DAN JAWATANKUASA MASJID/SURAU**

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan Program Rakan Masjid – Imarah Ramadhan Secara “Smart Partnership” Antara MPSJ Dan Jawatankuasa Masjid/Surau di kawasan pentadbiran MPSJ.

Objektif program ini diadakan bagi mengimarahkan Masjid dengan pelbagai aktiviti ibadah bersempena bulan Ramadhan Al-Mubarak 1435H. Program ini akan diadakan pada 29 Jun 2014 – 20 Julai 2014 di 30 lokasi yang terpilih.

Sasaran peserta terdiri daripada remaja lepasan sekolah, belia, golongan pelajar dan anak yatim. Penyertaan adalah percuma dan dijangkakan seramai 1,500 orang peserta akan terlibat dalam program ini.

## **2.9 MAJLIS BERBUKA PUASA (IHYA' RAMADHAN) DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR BERSAMA RAKYAT DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA BAGI TAHUN 1435H/2014M**

Sukacita dimaklumkan bahawa, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan menganjurkan Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Bersama Rakyat, Penyampaian Sumbangan Hari Raya Bagi Tahun 1435H Dan Perasmian Masjid Bandar Bukit Puchong, Puchong pada 18 Julai 2014 (Jumaat) bersamaan 20 Ramadhan 1435H bertempat di Masjid Bandar Bukit Puchong.

## **2.10 LAPORAN DEMAM DENGGI**

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 25 (iaitu sehingga 21 Jun 2014) adalah sebanyak 3626 kes dilaporkan dan sebanyak 3270 kes disahkan positif.

Sehubungan dengan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan **Kempen 10 Minit** dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

## **2.11 UCAPAN KHAS DATO' YDP BERSEMPENA BULAN RAMADHAN 1435H**

Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan **Selamat Menyambut Bulan Ramadhan Al-Mubarak** kepada semua Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang beragama Islam. InsyaAllah tarikh permulaan Ramadhan dijangka akan disambut pada 29 Jun 2014 bersamaan hari Ahad.

Pihak Majlis mengharapkan semoga dengan kehadiran bulan Ramadhan yang penuh rahmat ini, dapatlah kita bersama-sama mengimarahkannya serta mempertingkatkan amal ibadat kita. Semoga kita semua akan bersama-sama mendapat keberkatannya.

### **3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 04/2014 BERTARIKH 28 MEI 2014.**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 04/2014 bertarikh 28 Mei 2014 telah disahkan tanpa pindaan.

### **4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA**

#### **4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 08/2014 Bertarikh 04 Jun 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

#### **4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 09/2014 Bertarikh 18 Jun 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

#### 4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 04/2014 Bertarikh 03 Jun 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

#### Tindakan : Bahagian Audit Dalam

#### 4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 04/2014 Bertarikh 16 Jun 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.8 m.s 7	En. Tai Cheng Heng	Aduan Pencemaran Darpada Kilang Swan Printing Di Seksyen 7, Taman Bukit Serdang	Beliau memohon penjelasan berhubung status terkini aduan pencemaran daripada kilang Swan Printing di Seksyen 7, Taman Bukit Serdang.  <u>Maklumbalas:</u> Pengarah Pelesenan memaklumkan bahawa perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan.

				<p>Mesyuarat telah memutuskan untuk membenarkan premis ini beroperasi sehingga jam 10.00 malam.</p> <p>Walaupun, pemilik premis adalah tertakluk untuk mematuhi syarat-syarat lain yang berkaitan seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis dan Jabatan Alam Sekitar.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini telah diambil perhatian oleh pihak Majlis.</p> <p>Sehubungan itu, Jabatan Undang-Undang diminta untuk mengkoordinasi dan menyelaras tindakan bersepadu Jabatan-Jabatan MPSJ bagi meneruskan tindakan yang bersesuaian dalam menangani isu-isu berbangkit berhubung perkara ini terutama yang</p>
--	--	--	--	---

				melibatkan aspek teknikal dan kacau ganggu awam.
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar**

**4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 04/2014 Bertarikh 16 Jun 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	En. Ir. Izham bin Hashim	Laporan Hasil Kajian Lalulintas Dan Pengangkutan Jalan Di Kawasan Pentadbiran MPSJ	Beliau mencadangkan supaya laporan hasil Kajian Lalulintas Dan Pengangkutan Jalan yang dijalankan oleh pihak perunding dapat dimaklumkan kepada penduduk dan masyarakat setempat melalui 'Town Hall Meeting' supaya penduduk maklum berhubung rangkaian jalanraya dan jajaran laluan pengangkutan awam yang melalui kawasan MPSJ. Ini termasuklah maklumat berhubung

			<p>cadangan pembinaan lebuh raya baru yang melalui kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan memaklumkan bahawa pihak Majlis sentiasa peka dengan isu-isu berhubung perkara ini.</p> <p>Dato' Yang Dipertua turut memaklumkan bahawa pihak Majlis sememangnya telah merancang untuk mengadakan taklimat berhubung penemuan hasil laporan Kajian Lalulintas Dan Pengangkutan Jalan yang telah dijalankan oleh pihak perunding kepada penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p>Sehubungan itu, Jabatan Kejuruteraan diminta untuk mendapatkan tarikh yang sesuai untuk mengadakan taklimat tersebut bagi memberi</p>
--	--	--	--

				penerangan kepada Ahli Majlis dan penduduk berhubung perkara ini.
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan**

#### **4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 04/2014 Bertarikh 17 Jun 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

#### **4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 04/2014 Bertarikh 17 Jun 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 9.8 m.s 54	En. Chong Hoon Ming	Permohonan Pembaharuan Lesen Sementara Aktiviti Perniagaan Medan selera Bagi Syarikat SK Kwok Wai	<b><u>Pindaan Minit :</u></b> Jawatankuasa Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 05/2014 telah bersetuju untuk <b>meluluskan</b>

			<p>Restoran Yang Dijalankan Di Lot 16.093, Persiaran Serdang Perdana, Seri Kembangan, Selangor</p>	<p>permohonan pembaharuan lesen sementara aktiviti perniagaan Medan Selera bagi Syarikat SK Kwok Wai Restoran yang dijalankan di Lot 16.093, Persiaran Serdang Perdana, Seri Kembangan, Selangor untuk tempoh <b>enam (6) bulan</b> lagi sehingga pihak Majlis memperolehi keputusan berhubung status permohonan hakmilik tanah tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Pelesenan mengambil maklum mengenai perkara ini dan membuat pindaan kepada Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan.</p> <p>Dato' Yang Dipertua seterusnya meminta Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta untuk mengemukakan surat rayuan kepada Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling bagi memaklumkan</p>
--	--	--	--	--

				mengenai keputusan Kerajaan Negeri yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) berhubung permohonan Majlis untuk mendapatkan hakmilik tanah tersebut.
2	para 9.10 m.s 56	En. Loka Ng Sai Kai	Kertas Cadangan Tidak Melaksanakan Garispanduan Sistem Penggredan Premis Makanan Di Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia	<p><u>Pindaan Minit :</u></p> <p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 04/2014 yang telah <b>'menolak'</b> cadangan tidak melaksanakan Garispanduan Sistem Penggredan Premis Makanan Di Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia.</p> <p><u>Keputusan:</u></p> <p>"Jawatankuasa Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 05/2014 telah bersetuju <b>menerima</b> Garispanduan Sistem Penggredan</p>

				Premis Makanan Di Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia dengan pindaan mengikut keperluan dan kesesuaian garispanduan dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh MPSJ”.
3	para 3.4 m.s 7	En. Chong Hoon Ming	Rumah Kediaman Dijadikan Tempat Menjual Haiwan Peliharaan	<p>Beliau meminta supaya pihak Majlis mengambil tindakan segera bagi menangani isu rumah kediaman dijadikan tempat menjual haiwan peliharaan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato’ Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini telah diambil perhatian oleh pihak Majlis.</p> <p>Sehubungan itu, Jabatan Perancang Bandar diminta untuk mengadakan mesyuarat koordinasi bagi membuat penyelarasan bersama Jabatan-Jabatan yang terlibat untuk membincangkan isu ini dengan lebih lanjut dan mengadakan operasi bersepadu bagi membolehkan</p>

				Jabatan-Jabatan yang terlibat untuk meneruskan tindakan yang bersesuaian mengikut bidang kuasa masing-masing.
4	Hal-Hal Lain	En. Chia Yew Ken	Status Permohonan Pembaharuan Lesen Sementara Bagi Pemutihan Kilang Haram Di Kawasan Sungai Penaga, USJ 1, Subang Jaya	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis memberi pertimbangan berhubung permohonan kelulusan pembaharuan Lesen Sementara bagi Program Pemutihan Kilang Haram di kawasan Sungai Penaga, USJ 1, Subang Jaya.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Pelesenan untuk membuat semakan mengenai status terkini keputusan Kerajaan Negeri berhubung perkara ini dan memaklumkan keputusan ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan yang akan datang.</p>

**Tindakan : Jabatan Pelesenan**

#### 4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 04/2014 Bertarikh 18 Jun 2014

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**

#### 4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 04/2014 Bertarikh 19 Jun 2014

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.1.5 m.s 12	En. Ir. Izham bin Hashim	Aktiviti Kacau Dodol Dan Majlis Berbuka Puasa Sempena Bulan Ramadhan 2014	Beliau memohon pihak Majlis mempertimbangkan permohonan supaya program ini dapat dianjurkan di semua 24 Zon JKP dan had siling peruntukan dinaikkan supaya semua Zon JKP mendapat agihan peruntukan untuk menganjurkan program ini berbanding hanya 10 Zon JKP sahaja yang terpilih seperti yang diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 04/2014.

				<p>Beliau turut mencadangkan agar nama program ini ditukarkan kepada nama lain yang lebih bersesuaian bagi menggambarkan kepelbagaian aktiviti di bulan Ramadhan.</p> <p><u>Keputusan:</u></p> <p>Jawatankuasa Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.05/2014 telah bersetuju untuk menukarkan nama program ini kepada <b>'Program Ihya Ramadhan 2014/1435H'</b> dan seterusnya <b>meluluskan</b> penganjuran program ini di semua 24 Zon JKP dengan peruntukan keseluruhan sebanyak <b>RM60,000.00</b>. Agihan peruntukan adalah sebanyak RM2,500.00 bagi setiap JKP.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Sehubungan itu, Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Pembangunan Masyarakat untuk menguruskan perkara ini dan seterusnya menyediakan kertas cadangan bagi</p>
--	--	--	--	---

				mendapatkan tambahan peruntukan untuk penganjuran program ini.
2	Hal-Hal Lain	En. Michael Noel Jalleh	Peruntukan Geran Kemasyarakatan JKP	<p>Beliau memohon penjelasan mengenai status terkini berhubung peruntukan Geran Kemasyarakatan JKP yang mengikut jadualnya akan diserahkan kepada pihak JKP dalam tempoh setiap 3 bulan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Perbendaharaan memaklumkan bahawa peruntukan Geran Kemasyarakatan JKP bagi bayaran peringkat kedua tahun 2014 dalam peringkat semakan dan pembayaran akan dimasukkan ke dalam akaun JKP dalam kadar segera.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Pembangunan Masyarakat memaklumkan bahawa pihak Jabatan akan membuat penambahbaikan terhadap proses kerja berkaitan peruntukan Geran</p>

				<p>Kemasyarakatan JKP bagi memudahkan urusan berkaitan perkara ini di masa akan datang.</p> <p>Pihak Jabatan seterusnya akan mengemukakan memo kepada Jabatan Perbendaharaan dengan disertakan tarikh dan jadual pembayaran peruntukan Geran Kemasyarakatan JKP untuk tempoh setahun bagi melancarkan proses kerja berkaitan perkara ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Perbendaharaan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat mengambil tindakan segera berhubung perkara ini dan membuat penambahbaikan terhadap proses kerja bagi mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan berkaitan perkara ini.</p>
3	Hal-Hal Lain	En. Wan Hock Leong	Tunggakan Bayaran Utiliti Balai Masyarakat JKP	Beliau memohon penjelasan daripada pihak Majlis berhubung

				<p>cadangan penyelesaian terhadap tunggakan bayaran bil utiliti Balai Raya dan Balai Masyarakat di bawah seliaan JKP.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua menjelaskan bahawa cadangan untuk menyelesaikan tunggakan bayaran bil utiliti Balai Raya dan Balai Masyarakat di bawah seliaan JKP akan diputuskan selepas perbincangan lanjut diadakan bersama Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Jabatan Perbendaharaan.</p> <p>Sehubungan itu, Dato' Yang Dipertua meminta agar satu kertas dasar disediakan dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan yang akan datang bagi mencari kaedah yang sesuai dalam menyelesaikan isu-isu berbangkit berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

## 5.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 5.1 YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

**'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)**  
Setiausaha Perbandaran  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(DATO' ASMAWI BIN KASBI, D.S.I.S., S.M.S.)**  
Pengerusi Mesyuarat  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**